

D.R. 53/97

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Perindustrian
Sekuriti 1983.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG
oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan
nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat
yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa
daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perindustrian
Sekuriti (Pindaan) 1997.

Tajuk
ringkas dan
mula berkuat
kuasa.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh
yang ditetapkan oleh Menteri, melalui pemberitahuan
dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang
berlainan bagi peruntukan yang berlainan dalam Akta
ini.

2. Akta Perindustrian Sekuriti 1983, yang disebut "Akta
ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dalam tajuk panjang
dengan memotong perkataan ", broker-broker saham".

Pindaan
tajuk
panjang.
Akta 280.

3. Seksyen 2 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 2.

(a) dalam subseksyen (1)—

(i) dengan memotong takrif "broker saham";

- (ii) dalam takrif "pasaran saham", dengan memasukkan perkataan "atau" di hujung perenggan (b);
- (iii) dengan memotong takrif "Pendaftar";
- (iv) dengan menggantikan takrif "pengurus kumpulan wang" dengan takrif yang berikut:
 - ' "pengurus kumpulan wang" ertinya seseorang yang di bawah suatu perjanjian dengan mana-mana orang lain, mengakujANJI bagi pihak orang itu, sama ada atas kuasa budi bicara yang diberikan oleh orang itu atau selainnya, untuk menguruskan suatu portfolio sekuriti (selain apa-apa perkiraan yang dibuat bagi maksud, atau yang mempunyai kesan, menyediakan kemudahan bagi penyertaan orang sebagai benefisiari di bawah suatu amanah untuk keuntungan atau pendapatan yang berbangkit daripada perdagangan dalam kontrak niaga hadapan) bagi maksud pelaburan;';
- (v) dalam takrif "peniaga terkecuali"—
 - (aa) dengan menggantikan perenggan (d) dengan perenggan yang berikut:
 - "(d) mana-mana orang atau golongan orang lain yang ditetapkan oleh Menteri sebagai peniaga terkecuali atau peniaga-peniaga terkecuali tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dikenakan oleh Menteri; atau"; dan

(bb) dalam perenggan (e), dengan menggantikan perkataan "mengurus suatu portfolio sekuriti bagi pihak orang lain" dengan perkataan "sebagai seorang pengurus kumpulan wang";

(vi) dengan menggantikan takrif "sekuriti" dengan takrif yang berikut:

' "sekuriti" mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan kepada ungkapan itu dalam seksyen 2 Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993;';

Atin 498.

(vii) dengan menggantikan takrif "skim amanah saham" dengan takrif yang berikut

' "skim amanah saham" mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan kepada ungkapan itu dalam seksyen 2 Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993;'; dan

Akta 498.

(b) dalam subseksyen (2), dalam subperenggan (a)(i) dan (a)(iii) dengan memasukkan selepas perkataan "peniaga" perkataan ", pengurus kumpulan wang".

4. Seksyen 10 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 10.

(a) dalam nota birai, dengan memotong perkataan "atau Pendaftar";

(b) dengan memotong subseksyen (2); dan

(c) dalam subseksyen (4) dan (5), dengan memotong perkataan "atau Pendaftar".

- Pindaan seksyen 14. **5.** Subseksyen 14(2) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "seseorang broker saham atau pemegang suatu lesen peniaga" dengan perkataan "seseorang pemegang suatu lesen peniaga atau suatu lesen pengurus kumpulan wang".
- Pindaan seksyen 15A **6.** Subseksyen 15A(2) Akta ibu adalah dipinda dalam perenggan (c) dengan menggantikan perkataan "diisytiharkan" dengan perkataan "ditetapkan".
- Pindaan seksyen 33 dan 34. **7.** Seksyen 33 dan subseksyen 34(1) Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan "atau Pendaftar" di mana-mana jua terdapat.
- Pindaan seksyen 35 **8.** Seksyen 35 Akta ibu dan nota birai kepada seksyen itu adalah dipinda dengan memotong perkataan "atau Pendaftar".
- Pindaan seksyen 39. **9.** Subseksyen 39(6) Akta ibu adalah dipinda—
 (a) dengan memasukkan selepas perkataan "wakil pelaburan" perkataan "(dalam subseksyen ini disebut sebagai "orang itu")"; dan
 (b) dengan menggantikan perenggan (c) dengan perenggan yang berikut:
 "(c) jika orang itu adalah manusia biasa yang menjalankan urusan dalam suatu perbadanan, ditandatangani oleh seorang pengarah, seorang pegawai eksekutif atau setiausaha perbadanan itu; atau".
- Pindaan seksyen 41 **10.** Seksyen 41 Akta ibu adalah dipinda—
 (a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:
 "(1) Tertakluk kepada seksyen ini dan mana-mana peraturan yang mungkin dibuat, seseorang tidak boleh menjual sekuriti

melainkan jika, pada masa dia menjualnya—

- (a) dia mempunyai atau, jika dia menjual sebagai ejen, prinsipalnya mempunyai; atau
- (b) dia mempercayai atas alasan-alasan yang munasabah bahawa dia mempunyai, atau jika dia menjual sebagai ejen, prinsipalnya mempunyai,

pada masa itu suatu hak boleh guna dan tanpa syarat untuk meletak hak sekuriti itu pada seseorang pembeli sekuriti itu."; dan

(b) dalam subseksyen (4)—

- (i) dengan memotong perkataan "atau" di hujung subperenggan (b)(iii);
- (ii) dengan menggantikan noktah di hujung subperenggan (c)(iii) dengan noktah bertindih; dan
- (iii) dengan memasukkan selepas subperenggan (c)(iii) perenggan yang berikut:

"(d) penjualan sekuriti-sekuriti yang dibenarkan oleh Bank Negara Malaysia dilakukan dalam pasaran wang jangka pendek; dan

(e) penjualan sekuriti-sekuriti—

- (i) bagi kelas atau kategori; atau
- (ii) yang dilakukan mengikut cara atau dalam hal keadaan,

yang ditetapkan oleh Menteri.".

11. Teks bahasa Inggeris Akta ibu adalah dipinda dalam subseksyen 44(1A) dengan menggantikan perkataan "trading" dengan perkataan "business".

- Pindaan seksyen 47c **12.** Subseksyen 47c(5) Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "daripada" perkataan ", atau menguruskan apa-apa harta dalam,".
- Pindaan seksyen 49. **13.** Subseksyen 49(1) Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan "dan Pendaftar,".
- Pindaan seksyen 50. **14.** Subseksyen 50(1) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perenggan (*e*) dan (*f*) dengan perenggan yang berikut:
- "(aa) dalam hal sesuatu syarikat anggota, bursa saham dan Suruhanjaya; atau
- (bb) dalam mana-mana hal lain, Suruhanjaya."
- Pindaan tajuk Bahagian IX. **15.** Tajuk Bahagian IX Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas tajuk "PERDAGANGAN SEKURITI" subtajuk yang berikut:

"PENGKAL 1

Pelakuan Yang Dilarang".

- Pindaan seksyen 84. **16.** Seksyen 84 Akta ibu adalah dipinda—
- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan "Seseorang itu tidak boleh mewujudkan," dengan perkataan "Tertakluk kepada seksyen 87B, tiada seorang pun boleh mewujudkan,"; dan
- (b) dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut:
- " (4) Dalam pendakwaan bagi suatu kesalahan terhadap subseksyen (3) adalah menjadi suatu pembelaan jika pihak defendan membuktikan bahawa—
- (a) maksud atau maksud-maksud yang baginya dia melakukan perbuatan itu bukanlah, atau tidak termasuk, bagi maksud mewujudkan suatu rupa yang palsu atau mengelirukan; dan

*Perindustrian Sekuriti (Pindaan)*⁷

- (b) dia tidak bertindak secara melulu sama ada atau tidak dia mewujudkan rupa yang palsu atau mengelirukan,

bagi perdagangan aktif dalam sekuriti di pasaran saham."

17. Seksyen 85 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen K5.

- (a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

"(1) Tertakluk kepada seksyen 87B, tiada seorang pun boleh melaksanakan, mengambil bahagian dalam, melibatkan diri dalam, ada perkaitan dengan, atau menjalankan, sama ada secara langsung atau tak langsung, apa-apa bilangan transaksi dalam sekuriti sesuatu perbadanan iaitu transaksi yang mempunyai, atau mungkin mempunyai kesan—

- (a) menaikkan;
(b) menurunkan; atau
(c) memancang, menetapkan, mengekalkan atau menstabilkan,

harga sekuriti perbadanan itu dalam pasaran saham di Malaysia, bagi maksud atau maksud-maksud yang termasuklah maksud mendorong orang lain, sama ada atau tidak orang lain itu terdorong, supaya memperoleh atau melupuskan sekuriti perbadanan itu atau perbadanan yang berhubungan.";

- (b) dengan memotong subseksyen (2) dan (3); dan
(c) dengan menomborkan semula subseksyen (4) sebagai subseksyen (2).

18. Seksyen 86 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Seseorang" dengan perkataan "Tertakluk kepada seksyen 87B, seseorang".

Pindaan
seksyen 86.

Pindaan
seksyen 87.

19. Seksyen 87 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menomborkan semula seksyen itu sebagai subseksyen (1);
- (b) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan "Seseorang" dengan perkataan "Tertakluk kepada seksyen 87B, seseorang"; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

"(2) Dalam pendakwaan terhadap suatu kesalahan di bawah perenggan (d) subseksyen (1), berhubung dengan merekodkan atau menyimpan maklumat, adalah menjadi suatu pembelaan jika pihak defendan membuktikan bahawa semasa maklumat itu direkodkan atau disimpan, dia tidak mempunyai alasan yang munasabah untuk menjangka bahawa maklumat itu boleh didapati oleh mana-mana orang."

Pindaan
seksyen 87A.

20. Seksyen 87A Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Adalah" dengan perkataan "Tertakluk kepada seksyen 87B, adalah".

Seksyen
baru 87B

21. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 87A seksyen yang berikut:

Orang
atau
transaksi
yang
baginya
seksyen
84, 85,
86, 87
dan 87A
tidak
terpakai.

87B. Menteri boleh menetapkan, dan membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan, orang, atau transaksi yang berhubungan dengan sekuriti, atau mana-mana kelas, kategori atau perihalan tertentu bagi orang, atau mana-mana kelas, kategori atau perihalan tertentu bagi transaksi yang berhubungan dengan sekuriti, yang bagi orang atau transaksi itu seksyen 84, 85, 86, 87 atau 87A tidak terpakai."

22. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 88 seksyen yang berikut:

Seksyen
baru 88A
dan 88B

"Liabiliti
sivil bagi
pelangga-
ran
seksyen
84, 85,
86, 87,
87A dan
88.

88A. (1) Jika seseorang melanggar seksyen 84, 85, 86, 87, 87A atau 88, mana-mana orang lain yang membuat transaksi bagi penjualan dan pembelian sekuriti dengan orang yang pertama disebut itu atau dengan seseorang yang bertindak bagi pihak orang yang pertama disebut itu boleh, melalui tindakan guaman terhadap orang yang pertama disebut itu atau terhadap mana-mana orang yang bertindak bagi pihak orang yang pertama disebut itu, mendapatkan amaun kerugian yang dialami oleh orang lain itu—

- (a) sama ada atau tidak orang yang pertama disebut itu atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya telah dipertuduh atas suatu kesalahan berkenaan dengan pelanggaran itu; atau
- (b) sama ada atau tidak suatu pelanggaran telah dibuktikan terhadap orang yang pertama disebut itu atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya dalam sesuatu pendakwaan.

(2) Dalam seksyen ini, "kerugian" termasuklah kerugian yang tak disedari mengenai harga atau nilai sekuriti yang berupa perbezaan di antara—

- (a) harga atau nilai sekuriti dalam sesuatu transaksi yang mengenainya orang yang membawa tindakan itu mendakwa telah mengalami kerugian; dengan
- (b) harga yang mungkin menjadi harga sekuriti dalam transaksi itu, atau nilai yang mungkin menjadi nilai sekuriti itu pada masa transaksi itu dibuat, jika pelanggaran itu tidak berlaku.

(3) Seksyen ini tidaklah menjejaskan apa-apa liabiliti di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain berkenaan dengan pelakuan yang menjadi pelanggaran itu.

Penalti bagi kesalahan di bawah Penggal 1. 88B. Seseorang yang melanggar atau tidak mematuhi seksyen 84, 85, 86, 87, 87A atau 88 adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak kurang daripada satu juta ringgit dan penjara selama tempoh yang tidak melebihi sepuluh tahun."

Penggal baru 2.

23. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 88A subtajuk yang berikut:

"PENGAL 2

Perdagangan Dalamannya .

Penggantian seksyen 89.

24. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 89 dengan seksyen yang berikut:

"Maklumat. 89. Bagi maksud Penggal ini, "maklumat" termasuklah—

- (a) perkara anggapan dan perkara lain yang tidak cukup jelas untuk mewajarkan perkara itu diketahui oleh orang awam;
- (b) perkara yang berhubungan dengan niat, atau yang mungkin diniatkan oleh, seseorang;
- (c) perkara yang berhubungan dengan perundingan atau cadangan mengenai—
 - (i) urusan komersial; atau
 - (ii) berniaga sekuriti;
- (d) maklumat yang berhubungan dengan prestasi kewangan sesuatu perbadanan;
- (e) maklumat bahawa seseorang bercadang untuk membuat, atau telah dahulunya membuat, satu transaksi atau perjanjian

atau lebih berhubungan dengan sekuriti atau telah menyediakan atau bercadang untuk mengeluarkan suatu pernyataan yang berhubungan dengan sekuriti itu; dan

(f) perkara yang berhubungan dengan masa hadapan."

25. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 89 seksyen yang berikut:

Maklumat yang boleh didapati secara umum.

89A. (1) Bagi maksud Penggal ini, maklumat boleh didapati secara umum jika maklumat itu diberitahu mengikut cara yang akan, atau berkecenderungan untuk, menarik perhatian orang yang munasabah yang melabur dalam suatu jenis sekuriti yang harga atau nilai sekuriti itu mungkin terjejas oleh maklumat itu, dan oleh kerana maklumat itu telah diberitahu, suatu tempoh yang munasabah bagi maklumat itu disebarkan di kalangan, dan diasimilasi oleh, orang itu telah luput.

(2) Maklumat yang disebut dalam subseksyen (1) termasuklah maklumat yang terdiri daripada deduksi atau kesimpulan yang dibuat daripada maklumat itu.

Kesan material ke atas harga atau nilai sekuriti.

89B. Bagi maksud Penggal ini, suatu maklumat yang apabila boleh didapati secara umum akan atau berkecenderungan mempunyai kesan material ke atas harga atau nilai sekuriti, merujuk kepada maklumat yang akan atau berkecenderungan untuk, apabila boleh didapati secara umum, mempengaruhi orang yang munasabah yang melabur dalam sekuriti pada memutuskan sama ada atau tidak untuk memperoleh atau melupuskan sekuriti itu, atau membuat suatu perjanjian dengan tujuan memperoleh atau melupuskan sekuriti itu.

Seksyen baru
89A, 89B,
89C, 89D,
89E, 89F,
89G, 89H,
89I, 89K,
89L, 89M,
89N dan 89O.

- Berdagang sekuriti. 89c. Bagi maksud Penggal ini, berdagang sekuriti yang lazimnya dibenarkan di pasaran saham sesuatu bursa saham hendaklah dianggap dibenarkan di pasaran saham itu walaupun perdagangan mana-mana sekuriti di pasaran saham itu digantung.
- Sebutan mengenai "mengusahakan". 89D. Bagi maksud Penggal ini dan seksyen 90A tetapi tanpa menghadkan pengertian istilah "mengusahakan" sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen ini, jika seseorang menghasut, mendorong, menggalakkan atau mengarahkan seorang lain berkenaan dengan suatu perbuatan atau peninggalan, maka orang yang pertama disebut itu dianggap mengusahakan perbuatan atau peninggalan orang lain itu.
- Pelakuan yang dilarang ke atas orang yang mempunyai maklumat dalaman. 89E. (1) Seseorang ialah seorang "orang dalam" jika orang itu—
- (a) mempunyai maklumat yang tidak boleh didapati secara umum yang apabila boleh didapati secara umum, seseorang yang munasabah akan menjangka maklumat itu mempunyai kesan material ke atas harga atau nilai sekuriti itu; dan
 - (b) mengetahui atau semunasabahnya patut mengetahui bahawa maklumat itu tidak boleh didapati secara umum.
- (2) Seseorang orang dalam tidak boleh, sama ada sebagai prinsipal atau ejen, berkenaan dengan mana-mana sekuriti yang dimaksudkan oleh maklumat dalam subseksyen (1)—
- (a) memperoleh atau melupuskan, atau membuat suatu perjanjian bagi atau dengan tujuan untuk memperoleh atau melupuskan sekuriti itu; atau

(b) mengusahakan, secara langsung atau tak langsung suatu pemerolehan atau pelupusan, atau membuat suatu perjanjian bagi atau dengan tujuan memperoleh atau melupuskan sekuriti itu.

(3) Jika perdagangan sekuriti yang dimaksudkan dalam subseksyen (1) dibenarkan di suatu pasaran saham sesuatu bursa saham, orang dalam itu tidak boleh, secara langsung atau tak langsung, menyampaikan maklumat yang disebut dalam subseksyen (I), atau menyebabkan maklumat itu disampaikan, kepada seorang lain, sekiranya orang dalam itu mengetahui, atau semunasabahnya patut mengetahui, bahawa orang lain itu akan atau akan berkecenderungan untuk—

(a) memperoleh, melupuskan, atau membuat suatu perjanjian dengan tujuan memperoleh atau melupuskan mana-mana sekuriti yang dimaksudkan oleh maklumat dalam subseksyen (I); atau

(b) mengusahakan supaya seorang orang ketiga memperoleh, melupuskan atau membuat suatu perjanjian dengan tujuan memperoleh atau melupuskan mana-mana sekuriti yang dimaksudkan oleh maklumat dalam subseksyen (1).

(4) Seseorang yang melanggar atau tidak mematuhi subseksyen (2) atau (3) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak kurang daripada satu juta ringgit dan penjara selama tempoh yang tidak melebihi sepuluh tahun.

(5) Menteri boleh menetapkan, dan membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan, orang, atau transaksi yang berhubungan dengan sekuriti, atau mana-mana kelas, kategori atau perihalan tertentu bagi orang, atau mana-mana kelas, kategori atau perihalan tertentu bagi transaksi yang berhubungan dengan sekuriti yang bagi orang atau transaksi itu seksyen ini tidak terpakai.

Bukti pelanggaran seksyen 89E.

89F. Dalam pendakwaan bagi suatu kesalahan di bawah subseksyen (2) atau (3) seksyen 89E, tidaklah perlu bagi pihak pendakwa untuk membuktikan ketakwujudan fakta atau hal keadaan yang jika fakta atau hal keadaan itu wujud akan, menurut seksyen 89C, 89H, 89I, 89J, 89K, 89L, 89M, 89N atau 89O, atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah subseksyen (5) seksyen 89F, menghalang perbuatan itu daripada melanggar subseksyen (2) atau (3) seksyen 89E, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Perkiraan penyimpanan rahsia oleh perbadanan.

89G. (1) Bagi maksud Penggal ini, sesuatu perbadanan disifatkan mempunyai apa-apa maklumat—

(a) yang seseorang pegawai perbadanan—

(i) punyai dan yang sampai ke pengetahuannya dalam perjalanan tugasnya sebagai seorang pegawai perbadanan itu; atau

(ii) ketahui atau semunasabahnya patut tahu sebab dia pegawai perbadanan itu; atau

(b) yang seseorang pegawai perbadanan punyai dan yang sampai ke pengetahuannya dalam perjalanan tugasnya sebagai seorang pegawai suatu perbadanan yang berhubungan dengan perbadanan yang pertama disebut itu jika—

(i) pegawai itu ialah seorang orang dalam disebabkan dia mempunyai maklumat itu;

- (ii) pegawai itu terlibat dalam, keputusan, transaksi atau perjanjian perbadanan yang pertama disebut itu untuk memperoleh atau melupuskan sekuriti yang berhubungan dengannya pegawai itu ialah seorang orang dalam atau pembuatan suatu perjanjian untuk memperoleh atau melupuskan sekuriti itu, mengusahakan supaya orang lain memperoleh atau melupuskan sekuriti itu atau membuat suatu perjanjian untuk berbuat demikian, atau menyampaikan maklumat dalam hal keadaan yang disebut dalam subseksyen (3) seksyen 89E; atau
- (iii) adalah munasabah untuk menjangka bahawa pegawai itu akan menyampaikan maklumat itu kepada seorang pegawai lain perbadanan yang pertama disebut itu yang bertindak atas sifatnya yang sedemikian, melainkan jika dibuktikan bahawa maklumat itu tidak pada hakikatnya disampaikan.

(2) Dalam seksyen ini, "maklumat" merujuk kepada maklumat yang dianggap dipunyai oleh sesuatu perbadanan dan jika seseorang yang mempunyai maklumat itu ialah seorang orang dalam.

(3) Sesuatu perbadanan tidak melanggar subseksyen (2) seksyen 89E dengan membuat transaksi atau perjanjian pada bila-bila masa

semata-mata disebabkan maklumat itu dipunyai oleh perbadanan itu jika—

- (a) keputusan untuk membuat transaksi atau perjanjian itu dibuat bagi pihak perbadanan itu oleh seseorang atau orang selain daripada seorang pegawai perbadanan yang mempunyai maklumat itu;
- (b) perbadanan itu mempunyai perkiraan yang sedang berkuat kuasa pada masa itu yang boleh semunasahnya dijangka dapat memastikan bahawa—
 - (i) maklumat itu telah tidak disampaikan kepada seseorang atau salah seorang yang telah terlibat dalam, atau membuat keputusan untuk membuat, atau terlibat dalam, transaksi atau perjanjian itu;
 - (ii) tiada nasihat mengenai keputusan untuk membuat, atau terlibat dalam, transaksi atau perjanjian itu diberikan kepada orang itu oleh orang yang mempunyai maklumat itu; atau
 - (iii) orang yang mempunyai maklumat itu tidak akan, terlibat dalam keputusan untuk membuat atau terlibat dalam, transaksi atau perjanjian itu, atau terlibat dalam transaksi atau perjanjian itu; dan
- (c) maklumat itu tidak disampaikan, tiada nasihat diberikan dan orang yang mempunyai maklumat itu tidak terlibat

dalam keputusan untuk membuat, atau terlibat dalam, transaksi atau perjanjian itu atau tidak terlibat dalam transaksi atau perjanjian itu.

Perjanjian
penyim-
panan
rahsia oleh
perkongasian.

89H.(1) Bagi maksud Penggal ini, seseorang pekongsi sesuatu perkongasian disifatkan mempunyai apa-apa maklumat—

- (a) yang dipunyai oleh seorang pekongsi lain dan yang sampai ke pengetahuan pekongsi yang satu lagi itu atas sifatnya sebagai seorang pekongsi perkongasian itu;
- (b) yang dipunyai oleh seseorang pekerja perkongasian itu dan yang sampai ke pengetahuan pekerja itu dalam perjalanan tugasnya; atau
- (c) jika seseorang pekongsi atau pekerja sesuatu perkongasian mengetahui atau semunasabahnya patut mengetahui apa-apa perkara atau benda sebab pekongsi atau pekerja itu ialah seorang pekongsi atau seorang pekerja sedemikian, adalah dianggapkan bahawa tiap-tiap pekongsi dan pekerja perkongasian itu mengetahui atau semunasabahnya patut mengetahui perkara atau benda itu.

(2) Dalam seksyen ini, "maklumat" merujuk kepada maklumat yang disifatkan dipunyai oleh perkongasian itu dan jika seseorang pekongsi atau pekerja perkongasian itu yang mempunyai maklumat itu ialah seorang orang dalam.

(3) Seseorang pekongsi sesuatu perkongasian tidak melanggar subseksyen (2) seksyen 89E dengan membuat suatu transaksi atau perjanjian yang disebut dalam subseksyen itu pada bila-bila masa semata-mata sebab satu pekongsi atau lebih (tetapi bukan kesemuanya), atau seseorang pekerja atau pekerja-pekerja perkongasian itu

dengan sebenarnya mempunyai maklumat pada masa itu jika—

- (a) keputusan untuk membuat transaksi atau perjanjian itu dibuat bagi pihak perkongsian itu oleh mana-mana satu orang atau lebih daripada orang yang berikut:
 - (i) seseorang pekongsi yang dianggap mempunyai maklumat itu semata-mata sebab seseorang pekongsi lain, atau seseorang pekerja perkongsian itu, mempunyai maklumat itu; atau
 - (ii) seseorang pekerja perkongsian itu yang tidak mempunyai maklumat itu; dan
- (b) perkongsian itu mempunyai perjanjian yang sedang berkuat kuasa pada masa itu yang boleh semunasabahnya dijangka dapat memastikan bahawa—
 - (i) maklumat itu telah tidak disampaikan kepada seseorang pekongsi atau seseorang pekerja atau salah seorang daripada pekongsi atau pekerja yang terlibat dalam, atau membuat keputusan mengenai pembuatan transaksi atau perjanjian yang berkenaan;
 - (ii) tiada nasihat mengenai keputusan untuk membuat transaksi atau perjanjian itu telah diberikan kepada pekongsi atau pekerja itu oleh seseorang pekongsi atau pekerja yang mempunyai maklumat itu;
 - (iii) pekongsi atau pekerja yang mempunyai maklumat itu tidak akan terlibat dalam keputusan untuk membuat, atau terlibat dalam, transaksi atau perjanjian itu; dan

- (c) maklumat itu tidak disampaikan, tiada nasihat diberikan dan pekongsi atau pekerja yang mempunyai maklumat itu tidak terlibat dalam keputusan untuk membuat, atau terlibat dalam transaksi atau perjanjian itu.

(2) Seseorang pekongsi sesuatu perkongsian tidak melanggar subseksyen (2) seksyen 89e dengan membuat transaksi atau perjanjian yang disebut dalam subseksyen itu selain bagi pihak perkongsian itu semata-mata sebab pekongsi itu dianggap mempunyai maklumat yang dipunyai oleh pekongsi atau pekerja lain perkongsian itu.

Pengun-
deraitan
dan subpeng-
underaitan.

89i. (1) Subseksyen (2) seksyen 89e tidaklah terpakai berkenaan dengan—

- (a) pembuatan suatu perjanjian pengun-deraitan atau suatu perjanjian sub-pengunderaitan; atau
- (b) pemerolehan sekuriti di bawah suatu obligasi untuk berbuat demikian dalam perjanjian yang disebut dalam perenggan (a).

(2) Subseksyen (3) seksyen 89E tidaklah terpakai berkenaan dengan penyampaian maklumat yang berhubungan dengan sekuriti, kepada seseorang semata-mata bagi maksud mengusahakan supaya orang itu—

- (a) membuat suatu perjanjian pengunderaitan atau suatu perjanjian sub-pengunderaitan berhubungan dengan mana-mana sekuriti itu; atau
- (b) memperoleh mana-mana sekuriti di bawah suatu obligasi untuk berbuat demikian dalam perjanjian yang disebut dalam perenggan (a).

Ketakaikaaian seksyen 89E bagi transaksi yang dijalankan di bawah skim perkiraan, dsb. di bawah mana-mana undang-undang berulis.

Kecualian bagi perbadanan yang mempunyai pengelahuan tenlang niatnya.

89J. Seksyen 89E tidaklah terpakai bagi suatu pemerolehan atau pelupusan sekuriti atau penyampaian maklumat yang dijalankan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan skim perkiraan, pembentukan semula dan pengambilalihan berhubungan dengan perbadanan.

89K. (1) Sesuatu perbadanan tidak melanggar subseksyen (2) seksyen 89E dengan membuat sesuatu transaksi atau perjanjian berhubungan dengan sekuriti selain sekuriti perbadanan itu semata-mata sebab perbadanan itu menyedari bahawa perbadanan itu bercadang untuk membuat, atau dahulunya telah membuat, satu atau lebih transaksi atau perjanjian berhubungan dengan sekuriti itu.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (3), sesuatu perbadanan tidak melanggar subseksyen (2) seksyen 89E dengan membuat sesuatu transaksi atau perjanjian berhubungan dengan sekuriti selain sekuriti perbadanan itu sebab seseorang pegawai perbadanan itu menyedari bahawa perbadanan itu bercadang untuk membuat, atau telah dahulunya membuat, satu atau lebih transaksi atau perjanjian berhubungan dengan sekuriti itu.

(3) Subseksyen (2) tidaklah terpakai melainkan jika pegawai perbadanan itu menyedari tentang perkara yang disebut dalam subseksyen itu dalam perjalanan tugasnya.

(4) Tertakluk kepada subseksyen (5), seseorang tidak melanggar subseksyen (2) seksyen 89E dengan membuat sesuatu transaksi atau perjanjian bagi pihak sesuatu perbadanan berhubungan dengan sekuriti selain sekuriti perbadanan itu semata-mata sebab orang itu menyedari bahawa perbadanan itu bercadang untuk membuat, atau telah dahulunya membuat, satu atau lebih transaksi atau perjanjian berhubungan dengan sekuriti itu.

(5) Subseksyen (4) tidaklah terpakai melainkan jika orang itu menyedari tentang perkara yang disebut dalam perjalanan tugasnya sebagai seorang pegawai perbadanan yang pertama disebut itu atau dalam perjalanan dia bertindak sebagai seorang ejen perbadanan yang pertama disebut itu.

Kecualian bagi pengetahuan tentang mat atau aktiviti individu itu sendiri.

89L. Seseorang individu tidak melanggar subseksyen (2) seksyen 89E dengan membuat sesuatu transaksi atau perjanjian berhubungan dengan sekuriti semata-mata sebab dia menyedari bahawa dia bercadang untuk membuat, atau telah dahulunya membuat, satu atau lebih transaksi atau perjanjian berhubungan dengan sekuriti itu.

Transaksi yang tak disolisit oleh seseorang broker

89M. (1) Seseorang peniaga atau wakil peniaga tidak melanggar subseksyen (2) seksyen 89E dengan membuat sesuatu transaksi atau perjanjian sebagai seorang ejen bagi seorang lain, yang berupa transaksi atau perjanjian yang dibuat di pasaran saham sesuatu bursa saham mengenai sekuriti yang disebut harga bagi perdagangan di pasaran saham bursa saham itu jika—

- (a) transaksi atau perjanjian itu dibuat di bawah suatu arahan khusus oleh orang lain yang tidak disolisit oleh peniaga atau wakil peniaga itu;
- (b) peniaga atau wakil peniaga itu tidak memberi apa-apa nasihat kepada orang lain berhubungan dengan transaksi atau perjanjian itu atau selainnya berusaha untuk mendapatkan arahan orang lain itu untuk membuat transaksi atau perjanjian itu; dan
- (c) orang lain itu tidak disekutukan dengan peniaga atau wakil peniaga itu.

(2) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menyentuh pemakaian subseksyen (1) berhubungan dengan prinsipal.

Kecuali bagi penebusan unit sesuatu skim amanah saham di bawah waad belian balik 89N. Subseksyen (2) seksyen 89E tidaklah terpakai berkenaan dengan penebusan oleh seseorang pemegang amanah di bawah suatu surat ikatan amanah berhubungan dengan skim amanah saham mengikut waad belian balik yang terkandung atau disifatkan terkandung dalam surat ikatan amanah pada harga yang dikehendaki oleh surat ikatan amanah itu dikira, setakat yang semunasabahnya praktik, melalui rujukan kepada nilai asas aset itu, ditolak apa-apa liabiliti skim amanah saham yang dimaksudkan oleh unit skim amanah saham itu, dan ditolak apa-apa caj munasabah bagi membeli unit-unit skim amanah saham atau kepentingan.

Pembelaan persamaan maklumat. 89O. (1) Seseorang tidak melanggar subseksyen (2) seksyen 89E jika—

- (a) sekuriti yang merupakan subjek transaksi atau perjanjian itu atau tindakan mengusahakan pembuatan sesuatu transaksi atau perjanjian bukannya sekuriti yang dibenarkan di pasaran saham sesuatu bursa saham;
- (b) Mahkamah berpuas hati bahawa pihak yang satu lagi dalam transaksi atau perjanjian itu mengetahui, atau semunasabahnya patut mengetahui, maklumat itu sebelum membuat transaksi atau perjanjian itu; dan
- (c) orang itu memperoleh atau melupuskan sekuriti itu atas apa-apa terma dan dalam hal keadaan—
 - (i) dia tidak mendapat apa-apa keuntungan atau mengelak apa-apa kerugian, termasuklah suatu keuntungan yang tidak disedari atau pengelakan kerugian yang

tidak disedari dalam harga atau nilai sekuriti itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, untuk dirinya atau mana-mana orang lain disebabkan oleh kesan yang mungkin terjadi ke atas maklumat itu apabila ia boleh didapati secara umum; dan

- (ii) maksud pemerolehan atau pelupusan sekuriti itu tidak termasuk apa-apa maksud mendapatkan keuntungan atau mengelakkan kerugian, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi dirinya atau mana-mana orang lain disebabkan oleh kesan yang mungkin terjadi ke atas maklumat itu apabila ia boleh didapati secara umum.

(2) Dalam pendakwaan bagi suatu kesalahan di bawah subseksyen (3) seksyen 89E jika orang yang menyampaikan maklumat atau menyebabkan maklumat disampaikan kepada seorang lain, adalah menjadi suatu pembelaan—

- (a) jika Mahkamah berpuas hati bahawa maklumat itu sampai ke pengetahuan orang yang menyampaikan maklumat itu semata-mata akibat maklumat itu diberitahu mengikut cara yang berkemungkinan menjadikan maklumat itu boleh didapati secara umum menurut seksyen 89A; dan
- (b) jika Mahkamah berpuas hati bahawa pihak yang satu lagi mengetahui, atau semunasabahnya patut mengetahui, maklumat itu sebelum maklumat itu disampaikan."

Penggal
baru 3.

26. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 89o subtajuk yang berikut:

" PENGGAL 3

*Liability Bagi Aktiviti Yang Tak Sah Di Sisi
Undang-Undang "*

Penggantian
seksyen 90.

27. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 90 dengan seksyen yang berikut:

Remedi
sivil.

90. (1) Jika Suruhanjaya mendapati bahawa mana-mana orang telah melanggar seksyen 84, 85, 86, 87, 87A, 88 atau 89E, maka Suruhanjaya boleh memulakan presiding guaman dalam Mahkamah terhadap orang itu, sama ada atau tidak orang itu telah dipertuduh atas suatu kesalahan berkenaan dengan pelanggaran itu, atau sama ada atau tidak suatu pelanggaran telah dibuktikan dalam suatu pendakwaan.

(2) Presiding di bawah subseksyen (1) atau di bawah seksyen 88A atau 90A boleh dimulakan pada bila-bila masa dalam masa dua belas tahun dari—

(a) tarikh kausa tindakan itu terakru; atau

(b) tarikh Suruhanjaya atau plaintif, mengikut mana-mana yang berkenaan, mendapat tahu tentang pelanggaran itu,

mengikut mana-mana yang terkemudian."

Seksyen
baru 90A.

28. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 90 seksyen yang berikut:

Menclapal-
kan
amaun
kerugian
atau ganti
rugi.

90A. (1) Seseorang yang mengalami kehilangan atau kerugian disebabkan oleh, atau kerana bergantung pada, pelakuan orang lain yang telah melanggar seksyen 89e, boleh mendapatkan amaun kerugian atau gantirugi itu dengan memulakan presiding guaman terhadap orang lain itu, sama ada atau tidak orang lain itu telah dipertuduh atas suatu kesalahan berkenaan dengan pelanggaran itu, atau sama ada atau tidak suatu pelanggaran telah dibuktikan dalam suatu pendakwaan.

(2) Dalam subseksyen (1), "amaun kerugian atau gantirugi" termasuklah amaun kerugian atau gantirugi yang tak disedari, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengenai harga atau nilai sekuriti sesuatu perbadanan yang berupa perbezaan di antara—

- (a) harga atau nilai sekuriti dalam sesuatu transaksi yang berkaitan dengannya orang yang pertama disebut dalam subseksyen (1) mendakwa telah mengalami kehilangan atau kerugian; dan
- (b) harga yang mungkin menjadi harga sekuriti dalam transaksi itu, atau nilai yang mungkin menjadi nilai sekuriti itu pada masa transaksi itu dibuat, jika pelanggaran itu tidak berlaku.

(3) Jika seseorang orang dalam memperoleh atau bersetuju untuk memperoleh, atau mengusahakan supaya orang lain memperoleh atau bersetuju untuk memperoleh, sekuriti daripada seseorang ("penjual") yang tidak mempunyai maklumat itu, dengan melanggar subseksyen (2) seksyen 89e, maka penjual itu boleh, melalui tindakan guaman terhadap orang dalam itu atau mana-mana orang lain yang terlibat dengan pelanggaran itu, mendapatkan, bagi kerugian atau kehilangan yang dialami oleh penjual itu, perbezaan di antara—

- (a) harga yang padanya sekuriti itu diperoleh, atau dipersetujui untuk diperoleh, oleh orang dalam itu atau orang lain itu, daripada penjual itu; dan
- (b) harga yang padanya sekuriti itu mungkin boleh diperoleh pada masa pemerolehan atau pembuatan perjanjian itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang disebut dalam perenggan (a) sekiranya maklumat itu boleh didapati secara umum.

(4) Jika seseorang orang dalam melupuskan atau bersetuju untuk melupuskan, atau mengusahakan supaya orang lain melupuskan atau bersetuju untuk melupuskan, sekuriti kepada seseorang ("pembeli") yang tidak mempunyai maklumat itu, dengan melanggar subseksyen (2) seksyen 89E, maka pembeli itu boleh, melalui tindakan guaman terhadap orang dalam itu atau mana-mana orang lain yang terlibat dengan pelanggaran itu, mendapatkan, bagi kehilangan atau kerugian yang dialami oleh pembeli itu, perbezaan di antara—

- (a) harga yang padanya sekuriti itu dilupuskan, atau dipersetujui untuk dilupuskan, oleh orang dalam itu atau orang lain itu, kepada pembeli itu; dan
- (b) harga yang padanya sekuriti itu mungkin boleh dilupuskan pada masa pelupusan atau pembuatan perjanjian itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang disebut dalam perenggan (a) sekiranya maklumat itu boleh didapati secara umum.

(5) Jika seseorang orang dalam memperoleh atau bersetuju untuk memperoleh, atau mengusahakan supaya orang lain memperoleh atau bersetuju untuk memperoleh, sekuriti, dengan melanggar subseksyen (2) seksyen 89E, dan sekuriti itu dibenarkan diperdagangkan di suatu pasaran saham sesuatu bursa saham, maka, sama ada atau tidak orang dalam itu atau mana-mana orang lain yang terlibat dengan pelanggaran itu telah dipertuduh atas suatu kesalahan berkenaan dengan pelanggaran itu atau sama ada atau tidak pelanggaran itu telah dibuktikan dalam suatu pendakwaan, Suruhanjaya boleh, jika difikirkan olehnya bahawa berbuat demikian memenuhi kepentingan awam, melalui tindakan guaman terhadap orang dalam itu atau mana-mana orang lain yang terlibat dengan pelanggaran itu—

- (a) mendapatkan suatu amaun yang bersamaan dengan tiga kali ganda amaun

yang berupa perbezaan di antara harga yang padanya sekuriti itu diperoleh atau dipersetujui untuk diperoleh, oleh orang dalam itu atau orang lain itu, dengan harga yang padanya sekuriti itu mungkin telah diperoleh pada masa pemerolehan atau pembuatan perjanjian itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, sekiranya maklumat itu boleh didapati secara umum; dan

(b) menuntut penalti sivil mengikut amaun yang difikirkan patut oleh Mahkamah setelah mengambil kira beratnya pelanggaran itu, yang berupa suatu amaun yang tidak melebihi lima ratus ribu ringgit.

(6) Jika seseorang orang dalam melupuskan atau bersetuju untuk melupuskan atau mengusahakan supaya orang lain melupuskan atau bersetuju untuk melupuskan, sekuriti, dengan melanggar subseksyen (2) seksyen 89E, dan sekuriti itu dibenarkan diperdagangkan di pasaran saham sesuatu bursa saham, maka, sama ada atau tidak orang dalam itu atau mana-mana orang lain yang terlibat dengan pelanggaran itu telah dipertuduh atau suatu kesalahan berkenaan dengan pelanggaran itu atau sama ada atau tidak pelanggaran itu telah dibuktikan dalam suatu pendakwaan, Suruhanjaya boleh, jika difikirkan olehnya bahawa berbuat demikian memenuhi kepentingan awam, melalui tindakan guaman terhadap orang dalam itu atau mana-mana orang lain yang terlibat dengan pelanggaran itu—

(a) mendapatkan suatu amaun yang bersamaan dengan tiga kali ganda amaun yang berupa perbezaan di antara harga yang padanya sekuriti itu dilupuskan atau dipersetujui untuk dilupuskan, oleh orang dalam itu atau orang lain itu, dengan harga yang padanya sekuriti itu mungkin telah dilupuskan pada masa pelupusan

atau pembuatan perjanjian itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, sekiranya maklumat itu boleh didapati secara umum; dan

(b) menuntut penalti sivil mengikut amaun yang difikirkan patut oleh Mahkamah setelah mengambil kira beratnya pelanggaran itu, yang berupa suatu amaun yang tidak melebihi lima ratus ribu ringgit.

(7) Amaun yang didapatkan oleh Suruhanjaya dalam suatu tindakan mengikut subseksyen (5) atau (6) hendaklah digunakan—

(a) pertama, untuk membayar balik kepada Suruhanjaya segala kos penyiasatan dan presiding berkenaan dengan pelanggaran atau pelanggaran yang disyaki itu; dan

(b) kedua—

(i) jika ia berhubungan dengan subseksyen (5), untuk memampasi penjual yang melupuskan sekuriti dari kelas yang sama di pasaran saham sesuatu bursa saham semasa maklumat tidak boleh didapati secara umum di antara masa pelanggaran yang pertama terhadap subseksyen (2) seksyen 89e berlaku dan masa maklumat boleh didapati secara umum; dan

(ii) jika ia berhubungan dengan subseksyen (6), untuk memampasi pembeli yang memperoleh sekuriti dari kelas yang sama di pasaran saham sesuatu bursa saham semasa maklumat tidak boleh didapati secara umum di antara masa pelanggaran yang pertama terhadap subseksyen (2) seksyen 89E berlaku dan masa maklumat itu boleh didapati secara umum.

(8) Jika Suruhanjaya berpendapat bahawa adalah tidak praktikal untuk memampasi orang yang disebut dalam perenggan (b) subseksyen (7) memandangkan kos pentadbiran yang dijangkakan, amaun pengagihan yang bakal dibuat kepada setiap orang dan kesulitan mengenal pasti atau memberitahu orang yang layak dipampasi, mengikut mana-mana yang berkenaan, maka Suruhanjaya boleh memutuskan untuk tidak membuat pengagihan kepada orang yang disebut dalam perenggan (b) subseksyen (7).

(9) Setakat yang amaun yang didapatkan dalam tindakan guaman di bawah subseksyen (5) atau (6) tidak diagihkan mengikut subseksyen (7), amaun itu hendaklah dibayar ke dalam tabung pampasan yang disenggara di bawah Bahagian VIII atau disimpan oleh Suruhanjaya untuk membiayai kos mengawal selia perdagangan pasaran, sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya, dengan kelulusan Menteri.

(10) Apa-apa hak tindakan yang dipunyai oleh seseorang di bawah seksyen ini adalah sebagai tambahan kepada apa-apa hak yang dipunyai oleh mana-mana orang lain di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain."

29. Akta ibu adalah dipinda dengan memotong seksyen 91. Pemotongan seksyen 91.

30. Seksyen 94A Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 94A.

(a) dengan memotong perkataan "atau Pendaftar" di mana-mana jua terdapat; dan

(b) dalam perenggan (1)(b), dengan memasukkan selepas perkataan "peniaga" perkataan ", pengurus kumpulan wang atau penasihat pelaburan,".

Pindaan
seksyen 95.

- 31.** Seksyen 95 Akta ibu adalah dipinda—
- (a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan "Pesuruhjaya" dengan perkataan "Suruhanjaya";
 - (b) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam subseksyen (1), (5), (6) dan (8), dengan menggantikan perkataan "Pendaftar" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Suruhanjaya"; dan
 - (c) dalam teks bahasa Inggeris—
 - (i) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan "Registrar" dan "he" di mana-mana jua terdapat masing-masing dengan perkataan "Commission" dan "it"; dan
 - (ii) dalam subseksyen (5), (6) dan (8), dengan menggantikan perkataan "Registrar" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Suruhanjaya".

Pindaan
seksyen 95A.

- 32.** Subseksyen 95A(1) Akta ibu adalah dipinda—
- (a) dengan memotong perkataan "atau Pendaftar" di mana-mana jua terdapat perkataan itu; dan
 - (b) dengan memotong perkataan "mengikut mana-mana yang berkenaan,".

Pindaan
seksyen 96.

- 33.** Subseksyen 96(3) Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan "di bawah seksyen 94A, atau Pendaftar atau seorang lain dalam menjalankan apa-apa kuasa".

Pindaan
seksyen 97.

- 34.** Seksyen 97 Akta ibu adalah dipinda—
- (a) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam subseksyen (1) dan (3), dengan menggantikan perkataan "Pendaftar" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Suruhanjaya"; dan

(b) dalam teks bahasa Inggeris—

- (i) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan "Registrar" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Commission"; dan
- (ii) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan "Registrar" dan "him" masing-masing dengan perkataan "Commission" dan "the Commission".

35. Seksyen 98 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 98.

- (a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan "Pendaftar" dengan perkataan "Suruhanjaya";
- (b) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan subseksyen (1), (2) dan (3) dengan subseksyen yang berikut:

"(1) Suruhanjaya boleh menghendaki seseorang peniaga menzahirkan kepada Suruhanjaya, berhubung dengan apa-apa pemerolehan atau pelupusan sekuriti, apa-apa maklumat termasuklah nama orang, yang darinya atau melaluinya atau bagi pihaknya, sekuriti itu diperoleh, atau yang kepadanya atau melaluinya atau bagi pihaknya, sekuriti itu dilupuskan, dan jenis arahan yang diberikan kepada peniaga itu berkenaan dengan pemerolehan atau pelupusan itu.

(2) Suruhanjaya boleh menghendaki seseorang yang telah memperoleh atau melupuskan sekuriti menzahirkan kepada Suruhanjaya sama ada dia memperoleh atau melupuskan sekuriti itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebagai pemegang amanah bagi, atau bagi atau bagi pihak, orang lain, dan jika dia memperoleh atau melupuskan sekuriti itu sebagai pemegang amanah bagi, atau bagi atau bagi pihak, orang lain, menzahirkan nama orang yang lagi satu itu dan jenis apa-apa

arahan yang diberikan kepada orang yang pertama disebut itu berkenaan dengan pemerolehan atau pelupusan itu.

(3) Suruhanjaya boleh menghendaki sesuatu bursa saham menzahirkan kepada Suruhanjaya, berhubung dengan suatu pemerolehan atau pelupusan sekuriti di pasaran saham bursa saham itu, nama anggota bursa saham itu yang bertindak dalam pemerolehan atau pelupusan itu.";

(c) dalam teks bahasa Inggeris—

(i) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan "The Commission or the Registrar may require a dealer to disclose to the Commission or the Registrar, as the case may be" dengan perkataan "The Commission may require a dealer to disclose to the Commission";

(ii) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan "The Commission or the Registrar may require a person who has acquired or disposed of securities to disclose to the Commission or the Registrar, as the case may be" dengan perkataan "The Commission may require a person who has acquired or disposed of securities to disclose to the Commission,"; and

(iii) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan "The Commission or the Registrar may require a stock exchange to disclose to the Commission or the Registrar, as the case may be" dengan perkataan "The Commission may require a stock exchange to disclose to the Commission"; and

(d) dalam subseksyen (4), dengan memotong perkataan "atau Pendaftar".

36. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 99 dengan seksyen yang berikut: Penggantian seksyen 99.

Penyiasatan perkara tertentu.

99. Jika Suruhanjaya mempunyai sebab untuk mengesyaki bahawa seseorang telah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau telah melakukan kesalahan fraud atau suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan perniagaan sekuriti, pengurusan kumpulan wang atau nasihat pelaburan, maka Suruhanjaya boleh membuat apa-apa penyiasatan yang difikirkan suai manfaat oleh Suruhanjaya bagi pentadbiran yang wajar Akta ini."

37. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 99 seksyen yang berikut: Seksyen baru 99A, 99B, 99C dan 99D.

Penzahiran maklumat berhubung dengan berniaga sekuriti.

99A. (1) Suruhanjaya boleh menghendaki seseorang menzahirkan kepada Suruhanjaya, berhubung dengan apa-apa perniagaan sekuriti, sama ada atau tidak perniagaan itu dijalankan bagi pihak orang lain—

- (a) mana dan butir-butir yang mencukupi untuk mengenalpasti orang yang daripadanya, melaluinya atau yang bagi pihaknya sekuriti itu diniagakan;
- (b) jenis arahan-arahan yang diberikan kepada orang itu berhubung dengan berniaga sekuriti;
- (c) butir-butir mengenai perniagaan sekuriti itu, termasuklah—
 - (i) butir-butir sekuriti yang diniagakan; dan
 - (ii) butir-butir balasan yang diberi atau yang diterima bagi perniagaan sekuriti itu atau apa-apa transaksi lain yang berhubungan dengan perniagaan sekuriti itu; dan

- (d) apa-apa maklumat lain yang dipunyai oleh orang itu sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya yang difikirkan olehnya suai manfaat bagi pentadbiran yang wajar Akta ini.

(2) Seseorang yang enggan atau tidak mematuhi kehendak Suruhanjaya di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi satu juta ringgit atau penjara selama tempoh yang tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Kewajipan
ketua
eksekutif
dan
pengarah
perbadanan
yang
disenaraikan
untuk
menzahirkan
kepentingan
dalam
sekuriti.

99B. (1) Melainkan jika dikecualikan oleh Suruhanjaya secara bertulis, seseorang yang—

- (a) pada tarikh mula berkuat kuasanya peruntukan ini, ialah ketua eksekutif atau pengarah suatu perbadanan yang disenaraikan, dan kemudiannya mempunyai kepentingan dalam sekuriti perbadanan yang disenaraikan itu atau mana-mana perbadanan yang bersekutu dengan perbadanan yang disenaraikan itu; atau
- (b) selepas tarikh mula berkuat kuasanya peruntukan ini, menjadi ketua eksekutif atau pengarah suatu perbadanan yang disenaraikan dan pada masa itu mempunyai kepentingan dalam sekuriti perbadanan yang disenaraikan itu atau mana-mana perbadanan yang bersekutu dengan perbadanan yang disenaraikan itu,

hendaklah memberitahu Suruhanjaya secara bertulis—

- (aa) tentang kewujudan kepentingannya pada masa itu; dan

(bb) takat kepentingannya dalam perbadanan yang disenaraikan itu atau perbadanan yang bersekutu dengan perbadanan yang disenaraikan itu pada masa itu.

(2) Ketua eksekutif atau pengarah sesuatu perbadanan yang disenaraikan hendaklah, semasa dia menjadi ketua eksekutif atau pengarah perbadanan yang disenaraikan itu, memberitahu Suruhanjaya secara bertulis apabila berlaku mana-mana perkara yang berikut:

- (a) apa-apa perkara yang akibat daripadanya dia menjadi berkepentingan, atau terhenti daripada mempunyai kepentingan, dalam sekuriti perbadanan yang disenaraikan itu atau perbadanan yang bersekutu dengan perbadanan yang disenaraikan itu;
- (b) pembuatan kontrak olehnya untuk menjual apa-apa sekuriti perbadanan yang disenaraikan itu atau mana-mana perbadanan yang bersekutu dengan perbadanan yang disenaraikan yang dalamnya dia mempunyai suatu kepentingan;
- (c) penyerahhakkan olehnya kepada mana-mana orang lain suatu hak yang diberikan kepadanya oleh perbadanan yang disenaraikan itu untuk melanggan sekuriti perbadanan yang disenaraikan itu;
- (d) pemberian kepadanya oleh sesuatu perbadanan lain, yang berupa suatu perbadanan yang bersekutu dengan perbadanan yang disenaraikan itu, sesuatu hak untuk melanggan sekuriti perbadanan yang bersekutu itu, penjalanan hak sedemikian yang diberikan kepadanya dan penyerahhakkan olehnya kepada mana-mana orang lain hak yang sedemikian yang telah diberikan itu; dan

(e) apa-apa perkara yang akibat daripadanya suatu perbadanan menjadi suatu perbadanan yang bersekutu dengan perbadanan yang disenaraikan itu, jika sebaik sahaja selepas perkara itu berlaku dia mendapat suatu kepentingan dalam sekuriti perbadanan itu.

(3) Subseksyen (2) tidak menghendaki seseorang memberitahu tentang sesuatu perkara yang berlaku yang sampai ke pengetahuannya selepas dia berhenti menjadi ketua eksekutif atau pengarah.

(4) Seseorang yang—

(a) tidak memberitahu Suruhanjaya, sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen (1) atau (2); atau

(b) pada berupa melaksanakan tugas yang kepadanya dia tertakluk, membuat kepada Suruhanjaya suatu pernyataan yang diketahui palsu olehnya,

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi satu juta ringgit atau penjara selama tempoh yang tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

(5) Bagi maksud seksyen ini, "ketua eksekutif dan "pengarah" termasuklah suami atau isteri, anak atau ibu bapa ketua eksekutif atau pengarah itu.

Kehilangan
kelayakan
ketua
eksekutif
atau
pengarah
syankat yang
disenaraikan.
Akta 125.

99c. (1) Seseorang—

(a) yang baginya subseksyen (1) seksyen 130 Akta Syarikat 1965 terpakai; dan

(b) yang berhasrat untuk memohon kebenaran daripada Mahkamah Tinggi untuk menjadi pengarah atau penganjur suatu perbadanan yang disenaraikan, atau secara

langsung atau tak langsung mempunyai perkaitan dalam, atau untuk mengambil bahagian dalam, atau untuk melibatkan diri dalam, pengurusan perbadanan yang disenaraikan itu,

hendaklah memberikan kepada Suruhanjaya notis yang tidak kurang daripada empat belas hari tentang niatnya untuk memohon, dan Suruhanjaya hendaklah menjadi suatu pihak dalam presiding itu.

(2) Dalam mendengar mana-mana permohonan yang disebut dalam subseksyen (1), Suruhanjaya boleh—

(a) menentang pemberian kebenaran untuk sesuatu permohonan; atau

(b) memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk tidak membenarkan orang itu menjadi pengarah atau penaja suatu perbadanan yang disenaraikan, atau secara langsung atau tak langsung mempunyai perkaitan atau untuk mengambil bahagian, atau melibatkan diri, dalam pengurusan syarikat yang disenaraikan itu, untuk apa-apa tempoh yang lebih lama yang melebihi lima tahun sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah Tinggi.

Akta 125. (3) Walau apa pun subseksyen (1) seksyen 130 Akta Syarikat 1965, jika Suruhanjaya mendapati bahawa oleh sebab mana-mana ketua eksekutif atau pengarah sesuatu syarikat yang disenaraikan—

(a) telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah suatu undang-undang sekuriti; atau

- (b) telah diambil tindakan terhadapnya di bawah seksyen 11, 88A atau 90 atau subseksyen (5) atau (6) seksyen 90A, atau seksyen 100,

ketua eksekutif atau pengarah tidak layak sama ada secara langsung atau tak langsung mempunyai perkaitan, atau untuk mengambil bahagian, atau melibatkan diri, dalam pengurusan syarikat yang disenaraikan itu, Suruhanjaya boleh memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk memecat ketua eksekutif atau pengarah syarikat yang disenaraikan itu.

(4) Suruhanjaya boleh menghendaki ketua eksekutif atau pengarah yang dimaksudkan dalam suatu permohonan di bawah subseksyen (3) atau syarikat yang disenaraikan yang dalamnya ketua eksekutif atau pengarah itu memegang jawatan—

- (a) memberikan kepada Suruhanjaya apa-apa maklumat mengenai hal ehwal syarikat yang disenaraikan itu; dan
- (b) rnenunjukkan dan membenarkan pemeriksaan apa-apa buku atau dokumen syarikat yang disenaraikan itu, atau apa-apa buku atau dokumen yang relevan dengan syarikat yang disenaraikan itu,

sebagaimana yang dikehendaki oleh Suruhanjaya bagi maksud memutuskan sama ada atau tidak membuat permohonan di bawah subseksyen (3) dan jika ketua eksekutif atau pengarah yang berkenaan tidak mematuhi mana-mana kehendak di bawah seksyen ini, maka Mahkamah Tinggi boleh atas permohonan Suruhanjaya, membuat perintah yang menghendaki ketua eksekutif atau pengarah itu mematuhi kehendak itu dalam apa-apa masa yang ditentukan oleh Mahkamah Tinggi.

(5) Jika dalam suatu permohonan di bawah subseksyen (3), Mahkamah Tinggi berpuas hati—

(a) bahawa ketua eksekutif atau pengarah syarikat yang disenaraikan itu—

(i) telah disabitkan di bawah suatu undang-undang sekuriti; atau

(ii) telah diambil tindakan terhadapnya di bawah seksyen 11, 88A atau 90 atau subseksyen (5) atau (6) seksyen 90A, atau seksyen 100; dan

(b) bahawa pelakuannya sebagai ketua eksekutif atau pengarah syarikat yang disenaraikan itu menjadikannya tidak layak, secara langsung atau tak langsung mempunyai perkaitan, atau untuk mengambil bahagian, atau melibatkan diri, dalam pengurusan syarikat yang disenaraikan itu,

maka Mahkamah Tinggi boleh membuat suatu perintah bahawa ketua eksekutif atau pengarah yang berkenaan dipecat daripada jawatan mulai dari tarikh yang dinyatakan dalam perintah itu, walau apa pun apa-apa dalam mana-mana undang-undang bertulis yang lain atau apa-apa sekatan yang terkandung dalam memorandum dan perkara-perkara persatuan syarikat yang disenaraikan itu, dan, khususnya, walau apa pun apa-apa sekatan dalamnya tentang bilangan minimum atau maksimum pengarah-pengarah syarikat yang disenaraikan itu.

(6) Seseorang ketua eksekutif atau pengarah yang dipecat daripada jawatan di bawah subseksyen (5) hendaklah terhenti daripada memegang jawatan mulai dari tarikh yang dinyatakan dalam perintah itu, dan tidaklah boleh selepas daripada itu memegang apa-apa jawatan

lain dalam syarikat yang disenaraikan itu atau dalam apa-apa cara, sama ada secara langsung atau tak langsung, mempunyai perkaitan, atau mengambil bahagian, atau melibatkan diri, dalam apa-apa aktiviti, hal ehwal atau urusan syarikat yang disenaraikan itu, atau yang berhubungan dengan syarikat yang disenaraikan itu.

Pengemu-
kaan
maklumat.

99D. (1) Sesuatu perbadanan yang disenaraikan hendaklah menyebabkan supaya dikemukakan kepada Suruhanjaya—

- (a) suatu salinan akaun tahunannya yang teraudit dalam masa dua minggu dari tarikh mesyuarat agong tahunannya; dan
- (b) laporan kewangannya yang interim dan berkala sebaik sahaja selepas angka-angka diperoleh.

(2) Suatu perbadanan yang disenaraikan hendaklah memberitahu Suruhanjaya secara bertulis—

- (a) tentang apa-apa pertukaran alamat berdaftar atau alamat perniagaan perbadanan yang disenaraikan itu;
- (b) jika ketua eksekutif atau mana-mana pengarah perbadanan yang disenaraikan itu terhenti daripada memegang jawatan sebagai ketua eksekutif atau pengarah; dan
- (c) nama-nama dan butir-butir mana-mana ketua eksekutif atau pengarah baru perbadanan yang disenaraikan itu,

dalam masa dua minggu dari berlakunya pertukaran atau perkara itu."

38. Seksyen 100 Akta ini adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 100.

(a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

"(1) Jika—

(a) atas permohonan Suruhanjaya, Mahkamah Tinggi mendapati bahawa seseorang telah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini, mana-mana undang-undang bertulis lain berhubungan dengan perniagaan sekuriti, pengurusan kumpulan wang atau nasihat pelaburan, atau telah melanggar syarat-syarat atau sekatan-sekatan suatu lesen atau kaedah-kaedah atau k e h e n d a k - k e h e n d a k penyenggaraan suatu bursa saham atau akan melakukan suatu tindakan mengenai perniagaan sekuriti yang, jika dilakukan, akan menjadi suatu kesalahan atau pelanggaran, atau telah melibatkan diri dalam, sedang melibatkan diri dalam, atau bercadang untuk melibatkan diri dalam, apa-apa pelakuan yang menjadi atau akan menjadi suatu pelanggaran Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain berhubungan dengan perniagaan sekuriti, pengurusan kumpulan wang atau nasihat pelaburan, sama ada atau tidak orang itu telah dipertuduh dengan suatu kesalahan berkenaan dengan pelanggaran itu, atau sama ada atau tidak suatu pelanggaran telah dibuktikan dalam suatu pendakwaan;

- (b) atas permohonan suatu bursa saham, Mahkamah Tinggi mendapati bahawa seseorang telah melanggar kaedah-kaedah atau kehendak-kehendak penyenaian bursa saham itu; atau
- (c) dalam suatu presiding di bawah seksyen 88A, subseksyen (1) seksyen 90, atau seksyen 90A, Mahkamah Tinggi mendapati bahawa seseorang telah melanggar seksyen 84, 85, 86, 87, 87A, 88 atau 89E, sama ada atau tidak orang itu telah dipertuduh dengan suatu kesalahan berkenaan dengan pelanggaran itu, atau sama ada atau tidak suatu pelanggaran telah dibuktikan dalam suatu pendakwaan,

maka Mahkamah Tinggi boleh, tanpa menyentuh apa-apa perintah yang boleh dibuat oleh Mahkamah Tinggi selain menurut seksyen ini, membuat satu atau lebih perintah-perintah yang berikut:

- (aa) dalam hal pelanggaran yang kerap atau berterusan akan Akta ini, mana-mana undang-undang bertulis lain berhubungan dengan perniagaan sekuriti, pengurusan kumpulan wang atau nasihat pelaburan, akan syarat-syarat atau sekatan-sekatan suatu lesen, atau akan kaedah-kaedah atau kehendak-kehendak penyenaian suatu bursa saham, suatu perintah yang menahan seseorang daripada menjalankan urusan berniaga sekuriti,

bertindak sebagai pengurus kumpulan wang atau penasihat pelaburan atau sebagai wakil peniaga, wakil pengurus kumpulan wang atau wakil pelaburan, atau daripada mengemukakan dirinya sebagai menjalankan apa-apa urusan sedemikian atau sebagai seorang yang bertindak sebagai pengurus, penasihat atau wakil sedemikian;

- (bb) suatu perintah yang menahan seseorang daripada memperoleh, melupuskan atau selainnya berniaga apa-apa sekuriti yang dinyatakan dalam perintah itu;
- (cc) suatu perintah yang mengarahkan seseorang supaya melupuskan apa-apa sekuriti yang dinyatakan dalam perintah itu;
- (dd) suatu perintah yang menahan perjalanan apa-apa hak mengundi atau hak lain yang diberikan kepada mana-mana sekuriti yang dinyatakan dalam perintah itu;
- (ee) suatu perintah yang menahan seseorang daripada menyediakan, menawarkan untuk langganan atau belian, atau menerbitkan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli, atau mengumpulkan apa-apa sekuriti yang dinyatakan dalam perintah itu;
- (ff) suatu perintah yang melantik seorang penerima harta seorang peniaga atau pengurus kumpulan wang atau harta yang dipegang oleh seorang peniaga atau seorang pengurus kumpulan

wang untuk atau bagi pihak orang lain sama ada sebagai amanah atau selainnya;

- (gg) suatu perintah yang meletakkan sekuriti yang dinyatakan dalam perintah itu pada Suruhanjaya atau seorang pemegang amanah yang dilantik oleh Mahkamah Tinggi;
- (hh) suatu perintah yang mengisytiharkan keseluruhan atau mana-mana bahagian suatu kontrak berhubungan dengan sekuriti, termasuklah suatu kontrak untuk memperoleh atau melupuskan sekuriti, adalah tak sah dan, jika difikirkan patut oleh Mahkamah Tinggi, adalah tak sah *ab initio* atau sepanjang masa pada atau selepas suatu tarikh yang dinyatakan sebelum perintah itu dibuat;
- (ii) jika seseorang enggan atau tidak, masih enggan atau tidak, atau bercadang untuk mengenggangi daripada atau tidak, melakukan apa-apa perbuatan atau perkara yang dia dikehendaki melakukan di bawah Akta ini, suatu perintah yang menghendaki orang itu melakukan perbuatan atau perkara itu;
- (jj) bagi maksud memastikan pematuhan apa-apa perintah lain di bawah seksyen ini, suatu perintah yang mengarahkan supaya seseorang melakukan atau menahan diri daripada melakukan suatu perbuatan yang ditentukan; dan

(kk) apa-apa perintah bersampingan yang difikirkan wajar berikutan pembuatan sesuatu perintah di bawah mana-mana peruntukan terdahulu subseksyen ini.";

- (b) dalam subseksyen (2A), dengan menggantikan perkataan "(fa)" dengan perkataan "(ii)";
- (c) dengan menggantikan subseksyen (2B) dengan subseksyen yang berikut:

" (2B) Jika suatu permohonan bagi suatu perintah di bawah subseksyen (1) dibuat oleh Suruhanjaya atau mana-mana orang yang diberi kuasa dengan sewajarnya oleh Suruhanjaya, maka Mahkamah Tinggi tidak boleh menjadikan sebagai suatu syarat perintah itu diberikan, menghendaki apa-apa akujanji mengenai ganti rugi diberikan oleh atau bagi pihak Suruhanjaya.";

- (d) dalam subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan "(a)" dengan perkataan "(ff)";
- (e) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

" (4A) Suruhanjaya atau pemegang amanah yang dilantik melalui suatu perintah Mahkamah Tinggi di bawah perenggan (gg) subseksyen (1)—

- (a) boleh menghendaki mana-mana orang menyerahkan kepada Suruhanjaya atau pemegang amanah itu mana-mana sekuriti yang dinyatakan dalam perintah itu atau memberi kepada Suruhanjaya atau pemegang amanah itu segala maklumat berkaitan dengan sekuriti itu sebagaimana yang boleh dikehendaki semunasabahnya;
- (b) boleh memperoleh dan mengambil milik sekuriti itu;

(c) boleh berniaga sekuriti itu mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut; dan

(d) hendaklah mempunyai apa-apa kuasa lain berkenaan dengan sekuriti itu sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah Mahkamah Tinggi itu.

(4B) Hasil perniagaan atau pelupusan sekuriti di bawah perenggan (gg) subseksyen (1) hendaklah dibayar ke dalam Mahkamah Tinggi, dan mana-mana orang yang mendakwa mempunyai hak benefisial ke atas keseluruhan atau mana-mana bahagian hasil itu boleh, dalam masa tiga puluh hari dari pembayaran ke dalam Mahkamah Tinggi itu, memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk pembayaran daripada hasil itu kepadanya."; dan

(f) dalam subseksyen (5)—

(i) dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan "atau";

(ii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan koma dengan perkataan "; atau" ; dan

(iii) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

" (c) kehendak Suruhanjaya atau pemegang amanah yang dilantik melalui perintah Mahkamah Tinggi di bawah perenggan (gg) subseksyen (1).".

40. Seksyen 122 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut: Pindaan seksyen 122.

" (2) Jika seseorang yang merupakan pekerja seseorang yang lain melanggar mana-mana peruntukan Akta ini, orang itu yang untuknya atau bagi pihaknya pekerja itu bertindak untuk atau bagi pihak, hendaklah disifatkan telah melanggar peruntukan itu."

41. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 122B dengan seksyen yang berikut: Penggantian seksyen 122B.

Laporan palsu kepada Suruhanjaya, bursa saham atau pusat penjelasan yang diiktiraf.

122B. Seseorang yang—

- (a) dengan niat untuk menipu, membuat atau memberikan; atau
- (b) secara sedar memberi kuasa atau membenarkan dibuat atau dikemukakan,

apa-apa pernyataan atau laporan yang palsu atau mengelirukan kepada Suruhanjaya, suatu bursa saham atau suatu pusat penjelasan yang diiktiraf berhubung dengan—

- (aa) perniagaan sekuriti;
- (bb) hal ehwal suatu perbadanan yang disenaraikan;
- (cc) apa-apa perkara atau benda yang dikehendaki oleh Suruhanjaya bagi pentadbiran yang wajar Akta ini; atau
- (dd) penguatkuasaan kaedah-kaedah bursa saham atau pusat penjelasan yang diiktiraf,

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi tiga juta ringgit atau penjara selama tempoh yang tidak melebihi sepuluh tahun atau keduanya."

Pindaan
seksyen 126.

42. Seksyen 126 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

"(2) Mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pendakwa Raya, boleh mendakwa mana-mana kes berkenaan dengan apa-apa kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini."; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

"(3) Bagi maksud subseksyen (2), "pegawai" mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan kepada ungkapan itu dalam seksyen 2 Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993.".

Akta 498.

Seksyen
baru 126c.

43. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 126B seksyen yang berikut:

Suruhan-
jaya
boleh
diwakili
oleh
mana-mana
pegawai
dalam
presiding
sivil.

126c. (1) Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis—

(a) dalam mana-mana presiding sivil oleh atau terhadap Suruhanjaya; atau

(b) dalam mana-mana presiding sivil lain yang Suruhanjaya dikehendaki atau dibenarkan oleh Mahkamah untuk diwakili, atau didengari, atau selainnya berhak untuk diwakili atau didengari,

mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Suruhanjaya bagi maksud itu, boleh, bagi pihak Suruhanjaya, memulakan presiding itu atau nadir sebagai penguambela dalam presiding itu dan boleh memasukkan segala kehadiran dan membuat segala permohonan dan melakukan segala perbuatan berkenaan dengan presiding itu bagi pihak Suruhanjaya.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), "pegawai" mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan kepada ungkapan itu dalam seksyen 2 Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993."

44. Subseksyen 127(2) Akta ibu adalah dipinda dalam perenggan (*n*), dengan memasukkan selepas perkataan "pembeli" perkataan "atau berhubungan dengan suatu penjualan sekuriti di bawah perenggan (*e*) subseksyen (4) seksyen 41".

Pindaan
seksyen 127.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Perindustrian Sekuriti 1983 ("Akta").

2. *Fasal 1* bertujuan mengadakan peruntukan bagi tajuk ringkas dan mula berkuat kuasanya Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan meminda tajuk panjang Akta dengan memotong perkataan "broker-broker saham" memandangkan istilah itu sekarang ialah suatu istilah yang tidak lagi berfungsi.

4. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 2 Akta dengan meminda takrif "peniaga terkecuali" untuk membolehkan Menteri menetapkan mana-mana orang atau golongan orang sebagai peniaga terkecuali. Sebagai tambahan, perenggan (*e*) takrif itu dipinda berbangkit daripada pindaan takrif "pengurus kumpulan wang".

Fasal 3 juga bertujuan meminda takrif "pengurus kumpulan wang" untuk merasionalkan rangka pengawalseliaan berhubungan dengan aktiviti pengurusan wang dan berbangkit daripada pindaan takrif "perniagaan pengurusan kumpulan wang niaga hadapan" dalam Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 dan "skim amanah saham" dalam Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993.

Pemotongan takrif "Pendaftar" dicadangkan berbangkit daripada perasionalan struktur pengawalseliaan perindustrian sekuriti. Selain pemotongan ini, Rang Undang-Undang ini bertujuan membuang segala sebutan mengenai Pendaftar dalam seksyen 2, 10, 33, 34, 35, 49, 50, 94_A, 95, 96, 97, 98, 99, 100 dan 126 Akta.

Pindaan lain kepada seksyen 2 Akta yang dicadangkan dalam *fasal 3* ialah—

- (a) pindaan takrif "sekuriti" untuk menjadikannya konsisten dengan takrif "sekuriti" dalam Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993;
- (b) pemotongan takrif "broker saham" berbangkit daripada pembuangan sebutan mengenai "broker saham" daripada seksyen 2, 14, 39, 89 dan 120 Akta;
- (c) pindaan takrif "pasaran saham" untuk menjelaskan pengertian istilah itu apabila digunakan dalam Akta;
- (d) pindaan takrif "skim amanah saham" untuk menjadikannya konsisten dengan takrif "skim amanah saham" dalam Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993; dan
- (e) pindaan subperenggan (2)(a)(1) dan (iii) untuk memasukkan sebutan mengenai pengurus kumpulan wang.

5. *Fasal 5* bertujuan meminda subseksyen 14(2) Akta untuk menjelaskan bahawa seseorang pengurus kumpulan wang tidak memerlukan suatu lesen penasihat pelaburan apabila menjalankan perniagaan memberi nasihat pelaburan.

6. *Fasal 10* bertujuan meminda seksyen 41 Akta dengan memotong sebutan mengenai seseorang pembeli dalam subseksyen 41(1). Dengan pindaan ini, sekuriti yang diperdagangkan dalam pasaran wang jangka pendek dikecualikan daripada pemakaian seksyen ini. Ia juga bertujuan memasukkan perenggan baru (e) untuk membolehkan Menteri mengisytiharkan selanjutnya penjualan sekuriti yang tidak tertakluk kepada seksyen ini.

7. *Fasal 11* bertujuan meminda teks bahasa Inggeris subseksyen 44(1A) Akta untuk menggantikan perkataan "trading" dengan "business" untuk menjadikannya konsisten dengan istilah yang digunakan dalam peruntukan lain seksyen itu.

8. *Fasal 12* bertujuan meminda subseksyen 47c(5) Akta untuk menjadikan peruntukan mengenai berniaga sekuriti dan menguruskan harta konsisten dengan peruntukan lain seksyen itu.

9. *Fasal 15, 23 dan 26* bertujuan membahagikan Bahagian IX ke dalam Penggal 1, 2 dan 3. Penggal 1 yang memperkatakan pelakuan yang dilarang akan mengandungi seksyen 84 hingga 88A. Penggal 2 yang memperkatakan perdagangan dalaman akan mengandungi seksyen 89 hingga 89o. Penggal 3 yang memperkatakan liabiliti bagi aktiviti yang tak sah di sisi undang-undang akan mengandungi seksyen 90 hingga 93.

10. *Fasal 21* bertujuan memasukkan seksyen baru 87B ke dalam Akta untuk memberikan Menteri kuasa untuk menetapkan orang yang baginya seksyen 84, 85, 86, 87 dan 87A Akta tidak terpakai dan untuk membuat peraturan berkenaan dengannya.
11. *Fasal 22* bertujuan memasukkan seksyen baru 88A dan 88s ke dalam Akta bagi membuat peruntukan mengenal liabiliti dan penalti sivil kerana pelanggaran seksyen 84, 85, 86, 87, 87A dan 88.
12. *Fasal 24* bertujuan meminda seksyen 89 Akta untuk menyatakan apakah yang menjadi "maklumat" bagi maksud Penggal 2 Bahagian IX.
13. *Fasal 25* bertujuan memasukkan seksyen baru 89A, 89B, 89C, 89D, 89E, 89F, 89G, 89H, 89I, 89J, 89K, 89L, 89M, 89N dan 89O ke dalam Akta. *Fasal* ini memperuntukkan suatu rangka baru untuk mengawalselia perdagangan dalaman.
14. *Fasal 27* bertujuan meminda seksyen 90 Akta untuk membuat peruntukan bagi remedi sivil.
15. *Fasal 28* bertujuan memasukkan seksyen baru 90A ke dalam Akta untuk membuat peruntukan bagi mendapatkan kerugian atau ganti rugi yang disebabkan oleh perdagangan dalaman.
16. *Fasal 30* bertujuan meminda seksyen 94A Akta untuk membuat peruntukan bagi pemeriksaan buku seorang pengurus kumpulan wang atau penasihat pelaburan oleh Suruhanjaya Sekuriti.
17. *Fasal 37* bertujuan memasukkan seksyen baru 99A, 99B, 99c dan 99D ke dalam Akta untuk memperkatakan kuasa Suruhanjaya Sekuriti untuk menyiasat perniagaan sekuriti yang dijalankan bagi pihak seseorang lain, kewajipan untuk memberitahu Suruhanjaya Sekuriti mengenai kepentingan seseorang dalam perbadanan yang disenaraikan, permohonan oleh Suruhanjaya Sekuriti kepada Mahkamah Tinggi supaya seseorang dihilangkan kelayakan sebagai pengarah, dan kuasa Suruhanjaya Sekuriti berhubung dengan akaun perbadanan yang disenaraikan itu.
18. *Fasal 40* bertujuan meminda subseksyen 122 (2) Akta untuk menjelaskan seseorang majikan bertanggung bagi tindakan pekerjanya yang melanggar mana-mana peruntukan Akta.
19. *Fasal 41* bertujuan meminda seksyen 122B Akta dengan memotong perkataan "sengaja". Dengan pemotongan ini tidak lagi perlu dibuktikan sengaja sebagai suatu unsur bagi suatu kesalahan di bawah seksyen itu. Seksyen itu juga digubal semula untuk menjadikan pengertiannya lebih jelas.
20. Pindaan dalam *fasal 42* perlu disebabkan oleh keputusan dalam kes *RepcO Holdings Bhd. Iwn. Pendakwa Raya* (1997).

21. *Fasal 43* bertujuan memasukkan seksyen baru 126c ke dalam Akta untuk membolehkan Suruhanjaya Sekuriti diwakili dalam mana-mana presiding sivil oleh mana-mana pegawai Suruhanjaya bagi maksud itu.

22. Pindaan kepada perenggan 21(2)(n) Akta sebagaimana yang dicadangkan dalam *fasal 44* berbangkit daripada pindaan yang dicadangkan kepada subseksyen 41(4).

23. Pindaan lain yang tidak disebut secara khusus adalah pindaan yang kecil atau berbangkit sahaja.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1975.]